

Coaching and Mentoring in Bridging The Inclusive Classes Social Gap

Halimah Hj AgKanak

Pejabat Pendidikan Daerah Beaufort, Sabah

E-mail: Lis885@yahoo.com.my

Abstract: This study discusses coaching and mentoring as one of the most relevant approach on this Century and is believed to be effective in assisting educational developments and enhancing the motivation of school administrators, teachers with the aim of making impacts on students. Coaching and mentoring are often used in organizations that emphasize productivity or competition and problem solving. Conceptually, the mentor will focus his work force on teamwork management with continuous guidance. A mentor focuses on a specific individual under guidance to be a good manager or mentor in problem solving. This coaching and mentoring is not only done by certain experts in school's administrators such as headmasters and deputy headmasters, but these coaching skills need to be mastered by middle managements in school. In order to overcome social issues in the inclusive classes for students in the Special Intergration Education Program (PPKI), the main focus of coaching and mentoring are for school's administrator, deputy headmaster, inclusive class teachers and involved students by conducting an individual and a group guidance as an intervention to bridge the social gap in the classroom between perdana students with special education students (PPKI) who study in the classroom. Based on this observation, coaching and mentoring approach has shown positive impacts on inclusive students in terms of interactions, behaviors, communications, characters and emotions. It also has shown the development of good performance by the students in the curriculum and co-curriculum. Therefore, a coaching and mentoring approach is needed to bridge the social gap of these InclusiveStudents.

Keywords: Coaching and mentoring, social gap, inclusive classes

PENDAHULUAN

Era millennium hari ini mempamerkan persaingan yang hebat untuk mencapai kecemerlangan pendidikan di semua peringkat. Sejak belakangan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan beberapa dasar pendidikan yang terbaik dan seimbang. Antaranya dengan memberikan pendidikan yang samarata kepada semua murid termasuklah murid-murid istimewa atau disebut murid berkeperluan Khas (MBK). Kementerian cuba memperkasakan pendidikan murid berkeperluan khas ini dengan memberikan perhatian tentang pembelajaran murid berkeperluan khas ini dalam Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI).

Dalam sistem pendidikan terkini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mahu melihat hak-hak semua murid diberikan samarata selari dengan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi setiap murid, tidak kira murid aliran perdana mahupun di kelas Pendidikan khas. Hal ini jelas dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, menyatakan untuk meningkatkan bilangan murid berkeperluan khas (MBK) untuk mengikuti pendidikan inklusif serta meningkatkan kualiti keseluruhan pendidikan (PPPM, 2013). Satu piagam telahpun digariskan bawah aspirasi ekuiti, 'Peningkatan Enroleman MBK dalam Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) iaitu salah satu inisiatif utama yang perlu diberikan perhatian yang sewajarnya.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 juga telah mencatatkan bahawa berdasarkan amalan terbaik pada peringkat antarabangsa dan dasar sedia ada, Kementerian Pendidikan Malaysia komited untuk menambah bilangan murid berkeperluan khas (MBK) dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI). Sehubungan dengan itu, satu piagam bawah aspirasi ekuiti, "Peningkatan Enrolmen Murid Berkeperluan Khas dalam Program Pendidikan Inklusif" telah dijadikan sebagai salah satu daripada 25 inisiatif utama dalam 1 Agenda Bersepadu KPM pada tahun 2013.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengamalkan prinsip pendemokrasian pendidikan dan pendidikan untuk semua (Education for All) dalam merancang pendidikan untuk semua golongan kanak-kanak. Semua kanak-kanak tanpa mengira kaum, latar belakang, status ekonomi dan kecacatan mempunyai hak untuk mendapat akses kepada pendidikan termasuk kanak-kanak kurang upaya. Mereka mempunyai hak yang sama rata untuk belajar dan bersosialisasi dalam persekitaran pembelajaran tanpa halangan (barrier-free learning environment).

Pendidikan khas ertinya pendidikan bagi murid-murid berkeperluan pendidikan khas di Sekolah Pendidikan Khas (SPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan pada peringkat prasekolah, rendah, menengah, dan lepas menengah. Pendidikan pada peringkat antarabangsa meletakkan konsep pendidikan inklusif sebagai asas dalam melaksanakan "Pendidikan untuk Semua" (GPPI 2018). Pendidikan inklusif juga telah dikongsi oleh pakar pendidikan dan profesional yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan khas seperti yang digariskan dalam deklarasi antarabangsa seperti Salamanca Statement (1994), Dakar World Education Forum (2000) dan Convention on the Rights of Persons with Disabilities (UN, 2006).

Terdapat dua perkara utama dalam sistem coaching dan mentoring iaitu sistem ini merujuk kepada seseorang individu yang berinteraksi dengan individu lain. Interaksi ini melibatkan tindakan-tindakan iaitu membimbing, menyokong, memberi nasihat dan menjalankan kaunseling. Oleh itu, seorang mentor adalah individu yang lebih tua, berpengalaman dan berkelayakan untuk membantu seseorang yang lebih muda dan kurang berpengalaman. Oleh itu, di peringkat sekolah, maktab mahupun universiti, sistem coaching dan mentoring adalah sistem di mana pengetua, guru besar atau pensyarah berperanan dan membantu, membimbing, mengajar, memberi sokongan serta galakan dalam usaha memupuk potensi seseorang agar berkembang dan meningkat, bukan sahaja dari segi akademik malah peribadi. Konsep sistem mentor bolehlah dianggap seperti konsep kakak, abang atau ibu bapa dalam organisasi.

Dalam Program Pendidikan Khas Integrasi ini (PPKI), ada beberapa kategori kumpulan murid yang terlibat iaitu murid yang mengalami masalah penglihatan (BL), murid yang mengalami masalah pendengaran (BD) dan murid yang mermasalah pembelajaran (BP). Tetapi dalam kajian ini, penekanan diberikan kepada murid-murid yang bermasalah pembelajaran, hyper dan Autisme sahaja yang mengikuti kelas Inklusif di Aliran Perdana. Kajian ini dilakukan untuk melihat keperluan murid-murid berkeperluan khas untuk ditempatkan di kelas-kelas biasa (Kelas Perdana) dengan tujuan memberikan peluang pembelajaran yang samarata bagi murid PPKI yang menunjukkan perubahan dan peningkatan dalam kemahiran belajar.

Ada kecenderungan sekolah yang kurang memberikan peluang kepada MBK untuk bersama dalam kelas pembelajaran. Keperluan untuk memahami apa sebenarnya kelas Inklusif itu perlu dilakukan. Apakah yang dimaksudkan dengan Program Inklusif? Sebagaimana yang dijelaskan oleh Lewis dan Doorlag (2003), Inklusif merupakan istilah yang sering digunakan masa kini untuk menerangkan tentang penempatan bagi murid berkeperluan khas di dalam pendidikan aliran perdana. Hal ini menyatakan bahawa inklusif adalah program yang dirancang khas untuk menempatkan murid berkeperluan khas (MBK) agar dapat belajar bersama murid normal di kelas biasa atau kelas aliran perdana.

Sering kita dengar bahawa murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP) kerap dipandang rendah dari segi keupayaan untuk mengikuti sesuatu sesi pembelajaran. Namun begitu, mereka ini boleh dididik agar menjadi lebih bersedia jika menerima layanan, tunjuk ajar dan bantuan yang sesuai dengan memenuhi keperluannya. Murugiah (1997) berpendapat bahawa faktor motivasi, tekanan emosi, pemilihan mata pelajaran yang sesuai, keyakinan diri dan sikap guru terhadap murid juga mempengaruhi kesediaan seseorang untuk belajar. Kenyataan ini membuktikan bahawa sikap, keprihatinan, penerimaan dan layanan baik dari guru terhadap murid tidak kira kelas biasa atau murid PKBP yang mengikuti program inklusif berupaya menjadi salah satu faktor yang boleh yang boleh mempengaruhi kesediaan belajar individu sama ada meningkat atau menurun.

Sehubungan dengan itu, penglibatan dan penerimaan sebahagian guru aliran perdana masih lagi dingin. Malahan masih terdapat juga segelintir daripada kumpulan guru ini yang memandang serong terhadap kehadiran murid PKBP di kelas aliran perdana serta mempertikaikan kewajaran pelaksanaan program inklusif ini serta tidak mengalu-alukan dan cuba mengelak kehadiran murid-murid tersebutke

kelas pembelajaran aliran perdana dengan pelbagai alasan. Pendapat yang berkaitan dengan perkara ini juga telah diketengahkan oleh Sue (2012) di mana guru-guru dikatakan mempunyai tanggapan negatif dan sering memberikan berbagai alasan dan tidak menerima hakikat bahawa murid PKBP boleh menerima pembelajaran sepertimana murid kelas perdana. Tambahnya lagi, Hal yang agak berat lagi jika ada kalangan guru yang tidak mahu menerima murid inklusif.

Adalah amat dikesali bila mana bukan setakat guru perdana sahaja yang tidak menerima kehadiran mereka, malah terdapat juga sebilangan kecil dari kalangan pentadbir didapati tidak dapat menerima kehadiran murid inklusif ini secara positif. Mereka berpendapat kehadiran murid-murid PPKI (BP) ini akan menyusahkan urusan pentadbiran dan menjejaskan prestasi sekolah. Menurut Najib dan Sanisah (2006), setengah pengetua dan guru tidak menerima secara positif penempatan murid-murid berkeperluan khas di sekolah-sekolah mereka. Manakala laporan akhbar *Georgiandaily.com* (2008) pula menyatakan bahawa pihak pengurusan sekolah menolak pelaksanaan program ini di sekolah-sekolah awam dan guru pulak tidak mahu melaksanakan kelas bagi murid berkeperluan khas ini sekiranya masih dibayar dengan jumlah gaji yang biasa.

Fenomena beginilah yang sering kita dengar, jadi bagaimana kita mahu merealisasikan pendidikan Malaysia setaraf dengan pendidikan negara-negara yang lain? Sudah tentu dengan menggerakkan jentera-jentera yang mempunyai kaitan langsung dengan institusi pendidikan, iaitu daripada peringkat atasan hinggalah dalam institusi sekolah itu sendiri. Salah satu perkara yang paling penting dan perlu diberikan perhatian adalah tentang kualiti dan komitmen pengurus-pengurus MBK disekolah.

Kualiti warga pendidikan mempunyai kaitan dengan kompetensi dan pengetahuannya dalam pendekatan-pendekatan strategi pembelajaran dalam sesebuah organisasi pendidikan itu. Strategi-strategi ini perlu ada dan ditanamkan dalam diri pengurus atau guru MBK tersebut. Oleh itu tidak dinafikan bahawa pengurus yang baik akan membuahkan hasil atau produktiviti yangterbaik.

Dalam era yang kompetatif ini, karisma peribadi sahaja belum cukup untuk mencapai kejayaan berganda. Di sini seorang pengurus sekolah harus tahu bagaimana untuk mentransformasikan keseluruhan organisasinya, mencari strategi dan pendekatan pembelajaran untuk mengatasi persaingan di sekelilingnya. Seorang pengurus dan guru sekolah mesti mampu mentransform perkhidmatan yang diberikan secara konsisten dan dapat diterima oleh pihak masyarakat dan komuniti serta pihak berkepentingan. Sudah tiba masanya pihak-pihak yang ada kaitan dengan institusi pendidikan menyediakan eko-sistem pembelajaran yang mesra pelanggan dengan menggunakan pendekatan seperti coaching dan mentoring yang dapat membimbing, menggalakkan pemikiran kreatif dalam kalangan guru dan murid untuk mencapai lonjakan saujana seperti mana yang disebutkan dalam Buku Panduan Transformasi Daerah (Mazlan Mohamad, 2013)

Rentetan daripada hal ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) untuk dijadikan sebagai landasan dan panduan untuk membangunkan pendidikan di negara ini supaya setanding dengan pendidikan di peringkat global. Dalam PPPM ini telah digariskan perkara-perkara yang perlu dilaksanakan dan dicapai dalam beberapa fasa yang dikenali sebagai gelombang. 3 gelombang yang telah digariskan meliputi Gelombang 1 (2013-2015): Mengubah sistem dengan memberi sokongan kepada guru dan penekanan kepada kemahiran teras, Gelombang 2 (2016-2020): Mempercepatkan peningkatan kemajuan sistem dan Gelombang 3 (2021-2025): Menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi.

Untuk mencapai hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya dalam memenuhi tuntutan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013 - 2025) adalah dengan cara memberikan latihan kemahiran dan pembangunan kualiti yang berterusan kepada para pemimpin melalui bimbingan mentor atau rakan bimbingan. Sehubungan dengan itu juga, dalam Program Transformasi Daerah (Buku DTP 2013), satu jawatan khusus diwujudkan oleh KPM untuk membantu dan membimbing pemimpin-pemimpin sekolah agar menjadi pengurus yang efektif. Pegawai-pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah yang dilantik ini berperanan sebagai seorang rakan pembimbing yang dikenali sebagai School Improvement Partner (SIPartners). Usaha untuk melahirkan pemimpin-pemimpin yang berkualiti perlulah bermula dengan menanamkan kemahiran asas yang kukuh dan pembangunan ilmu yang berterusan melalui pelaksanaan Coaching & Mentoring.

Kunci kepada kepimpinan berkesan adalah dengan menguasai pelbagai kemahiran daripada mengetahui dan memahami teori kepimpinan dan pentadbiran kepada proses implementasi proses keseluruhan pentadbiran sehingga dapat memberikan inspirasi kepada orang lain untuk mencapai kecemerlangan. Kepimpinan berkesan menerangkan peluang dan cara terbaik bagi seorang pemimpin untuk menjadi pemimpin yang berkesan. Seorang pemimpinperubelajaruntukmemimpinmelalui fokus kepada kualiti dan memastikan semua staff terlibat dalam perancangan peningkatan kualiti, Pemimpin perlu mengambil peluang meningkatkan kemahiran dan mendapatkan pengalaman daripada kepakaran kawan-kawan melalui kaedah pementoran. Semakin tinggi kepakaran, semakin banyak kuasa yang dimiliki oleh pemimpin. Sebagai agen perubahan

juga, pemimpin perlu menggalakkan staff untuk menjana idea dan terlibat dalam perancangan program. Hal inilah yang perlu dititikberatkan di sekolah-sekolah yang terlibat dengan PPKI.

Pengurusan berkesan sepatutnya menekankan tentang semua kepentingan kemahiran. Pemimpin perlu sentiasa menggalakkan keterbukaan dalam perbincangan dan memperlihatkan mereka sentiasa menghargai pandangan staf dan bersedia untuk mendengar. Pengurus perlu sentiasa mempertingkatkan kecekapan dalam membuat keputusan terutama yang memerlukan keputusan segera. Pemimpin sebagai pengurus yang baik ialah pemimpin yang berfikiran positif dalam menyelesaikan krisis dan menganggap masalah sebagai satu peluang untuk belajar. Pengurus berkesan merupakan seorang pemimpin yang sentiasa ingin bersaing, sentiasa dapat mengenalpasti peluang, tidak takut mengambil risiko, dan mampu mempengaruhi pesaing dan orang bawahannya.

Sehubungan dengan itu adalah perlu kajian dibuat untuk memastikan bahawa bimbingan secara coaching & mentoring mempunyai impak untuk memberikan kemahiran mengurus dan meningkatkan kualiti pengurus sekolah. Seorang pengurus organisasi sekolah diharapkan akan dapat menunjukkan komitmen yang tinggi kepada guru-guru di sekolah dan komuniti di persekitarannya. Oleh itu sudah masanya untuk bersama meningkatkan kemahiran dan kebolehan pemimpin pertengahan sekolah sebagai pengurus melalui pendedahan dan bimbingan rakan pembimbing dalam coaching dan mentoring.

Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi tujuan untuk melihat pendekatan konsep coaching dan mentoring yang dilaksanakan oleh pengurus Program Pendidikan Kelas Intergrasi (PPKI) yang terdiri daripada penolong kanan dan penyelaras PPKI kepada guru kelas Inklusif, boleh meningkatkan perubahan sosial kelas Inklusif. Kajian ini juga turut meninjau sama ada konsep coaching dan mentoring ini berupaya merapatkan jurang sosial dalam kalangan murid MBK di kelas Inklusif dengan murid-murid kelas perdana.

Kajian yang dijalankan ini difokuskan untuk:

- Meninjau keadaan sosial murid-murid MBK yang terpilih mengikuti pembelajaran kelas Inklusif.
- Melihat pendekatan coaching dan mentoring pengurus PPKI dan penyelaras kelas Inklusif terhadap guru-guru kelas Inklusif.
- Melihat pendekatan coaching dan mentoring guru penyelaras kelas Inklusif terhadap murid-murid kelas Inklusif.
- Mengenal pasti reaksi murid-murid Inklusif semasa coaching dan mentoring berlaku.
- Memerhati perubahan sosial murid melalui bimbingan pendekatan coaching dan mentoring

Kepentingan Kajian

Dalam usaha untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan dan kecemerlangan sekolah, maka tidak dapat tidak perubahan dan pembaharuan perlu dilakukan. Sebagai pengurus utama PPKI atau penolong kanan, penyelaras dan guru-guru bertanggungjawab memastikan perubahan sosial benar-benar terlaksana dengan menggunakan pendekatan-pendekatan tertentu. Sebagai seorang pengurus, penolong kanan serta penyelaras perlu peka dan memahami keperluan yang sepatutnya dapat diimplementasikan untuk kebaikan murid-murid MBK ini. Dalam konteks ini, bimbingan daripada pembimbing adalah diperlukan untuk tujuan meningkatkan perubahan sosial mereka.

Hasil kajian ini diharap akan dapat memberikan gambaran mengenai keperluan pelaksanaan pendekatan coaching dan mentoring dalam membantu dan membimbing murid-murid berkeperluan khas untuk belajar dengan baik dalam kelas Inklusif sama seperti murid lain dalam aliran perdana. Hasil kajian dan maklumat-maklumat yang didapati akan dapat dimanfaatkan dengan baik, khususnya kepada sekolah-sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI). Secara lebih spesifik kajian ini berguna dalam perkara-perkara berikut:

1. Membekalkan maklumbalas kepada bahagian-bahagian tertentu dalam Kementerian Pendidikan tentang perlunya pendekatan coaching dan mentoring dilaksanakan dalam kelas Inklusif.
2. Membantu Kementerian Pendidikan untuk merancang latihan yang diperlukan oleh guru-guru kelas Inklusif.
3. Membantu Kementerian Pendidikan Malaysia merancang garis panduan pengurusan dan latihan kepada penolong kanan PPKI dan penyelaras kelas Inklusif.

4. Membantu Kementerian Pendidikan Malaysia merancang keperluan murid-murid dalam mengikuti pembelajaran di kelas Inklusif.

Batasan Kajian

Kajian ini hanya akan melibatkan penolong kanan PPKI yang disebut sebagai pengurus atau pemimpin yang dimaksudkan, penyelar kelas Inklusif dan guru-guru yang terlibat dalam kelas inklusif sekolah terpilih sahaja. Selain itu juga kajian ini juga melibatkan murid-murid kelas inklusif di sekolah ini. Hal ini bermakna, pengurus PPKI, guru dan murid-murid sekolah yang mempunyai PPKI lain di daerah ini tidak termasuk dalam kajian ini. Oleh yang demikian, dapatan kajian hanya terpakai kepada kumpulan dan sekolah yang terlibat sahaja. Pendek kata dalam kajian ini, penyelidik hanya melihat pendekatan coaching dan mentoring serta perubahan-perubahan sosial dalam kalangan MBK.

Senario sekolah pada hari ini tidak sama seperti situasi sekolah pada abad sebelum ini. Abad ke-21 menuntut pemimpin-pemimpin sekolah, khususnya pengurus sekolah mahupun guru-guru untuk bersiap siaga dengan semua ilmu dan kemahiran yang tinggi dalam menerajui pengurusan di sekolah. Banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh pengurus pendidikan termasuklah berhadapan dengan risiko kes-kes jenayah, ibu bapa yang tidak puas hati, masyarakat yang sentiasa menuding jari dan mempersalahkan pihak sekolah kerana kegagalan yang berlaku di institusi berkenaan. Hal inilah yang perlu dielakkan dan ditangani oleh pengu-rusekolah.

Masalah kekurangan komitmen seseorang pengurus terhadap tugas dan tanggungjawab juga seringkali dibincangkan. Dua aspek penting dalam pengurusan ini adalah sifat tekak dan berkesan. Pengurus atau penyelar perlu secara tekak mengurus dilema dan isu yang sentiasa wujud dalam organisasinya serta mampu membaca dan mengubahsuai perlakuan kepimpinan dan mengubahnya berdasarkan konteks yang mereka hadapi. Dalam konteks sekolah, pengurus merupakan orang yang bertanggungjawab menentukan keberkesanan sesebuah sekolah. Menurut Rahimah Hj Ahmad (2000), kepemimpinan pengurus sekolah merangkumi komitmen mengadakan inovasi, usaha untuk menjelaskan rol dan tugas semua yang terlibat, di samping usaha untuk mendapatkan sumber-sumber yang diperlukan serta sokongan moral keseluruhannya.

“Regular schools with an inclusive orientation are the most effective means of combating discriminatory attitudes, creating welcoming communities, building an inclusive society and achieving education for all...”

Kenyataan Salamanca dalam Salamanca Statement and Framework for Action on Special Needs Education (UNESCO 1994) mendukung prinsip Pendidikan untuk Semua (EFA) yang menyokong bahawa kanak-kanak berkeperluan khas mempunyai hak mendapat pendidikan yang sama rata seperti mana rakan-rakan mereka, dalam Pendidikan Inklusif. Dengan kata lain, semua kanak-kanak sama ada mempunyai keperluan khas atau tidak, sepatutnya belajar bersama-sama dalam kelas yang sama. PPI juga merupakan kaedah terbaik dalam menangani isu diskriminasi.

Coaching dan Mentoring

Istilah coaching dan mentoring bukanlah satu perkara baru dalam bidang pembangunan sumber manusia terutamanya dalam sektor swasta yang telah lama mengamalkannya. Walau bagaimanapun dalam perkhidmatan awam khususnya di daerah kajian ini dilakukan, hal ini merupakan suatu perkara yang agak baru diperkatakan. Mentoring berkait rapat dengan istilah-istilah lain seperti membimbing (coaching, guiding), melatih dan sebagainya yang memberi maksud yang hampir-hampir sama. Coaching sering digunakan dalam organisasi yang menekankan produktiviti dan persaingan. Dalam konsep coaching, pembimbing akan memberi fokus kepada penghasilan kerja bersama-sama dengan menunjukkan kekuatan kerja dalam ‘team-work’. Dalam keadaan ini pembimbing bersama dengan pasukannya akan berkongsi ownership. Sebaliknya mentoring akan memberi fokus kepada individu tertentu yang sedang dibimbing (biasanya dinamakan protege/mentee) oleh mentor untuk menjadi pemimpin yang berjaya seperti mentornya (mencontohi kejayaan mentor sebagai idola) pada masa hadapan melalui program pembangunan kerjaya yang telah ditentukan atau meniru cara atau gaya seseorang yang menjadi mentornya.

Dewasa ini, program mentoring digunakan sebagai mekanisme yang menyokong perubahan paradigma institusi pengajian tinggi dari pembelajaran berorientasi akademik kepada praktikal. Konsep Mentoring merupakan suatu proses di mana seorang mentor yang mempunyai kepimpinan tinggi serta mempunyai kemahiran atau kompetensi tertentu, membimbing secara terancang dan sistematik seorang protege/mentee

yang telah dikenalpasti dengan tujuan untuk membangunkan keupayaan dan kompetensi melalui program yang disusun rapi oleh pihak pengurusan.

Secara lebih terperinci istilah coaching pula lebih kepada usaha seorang coach yang membimbing seorang coachee dalam satu proses yang mencabar minda dan kreativiti yang memberi inspirasi kepada coachee untuk memaksimumkan potensi peribadi dan profesional mereka (TS25,2017).

Apakah Coaching?

1. Coach memudahkan coachee untuk meningkatkan pembelajaran.
2. Coach tidak memberikan ilmu sebaliknya membina kesedaran coachee tentang kemahiran, pengetahuan dan kepakaran mereka sendiri.
3. Coach memotivasikan dan membimbing coachee untuk menggunakan kemahiran, pengetahuan dan kepakaran yang ada pada mereka untuk merealisasikan apa yang mereka mahu memiliki apa yang mereka ingin miliki dan melakukan apa yang mereka ingin lakukan.
4. Coach mengeluarkan kepakaran dan resos yang sedia ada dalam diri coachee. Mereka boleh memilih arah mereka sendiri dan jalan terbaik untuk meningkatkan prestasi.
5. Misi seseorang coach ialah untuk mencabar pemikiran coachee supaya berfikir dengan serius untuk menghuraikan kekusutan dalam pemikiran mereka dan seterusnya menemui jalan yang menuju kepada longgokkan idea dan jalan penyelesaian.
6. Cara ini memberikan peluang kepada coachee untuk mereka memuat naik (upload) pengetahuan dan bukan memuat turun (down load) pengetahuan. Cara pendekatan inilah yang digunakan sebagai strategi intervensi merapatkan jurang sosialisasi Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) yang mengikuti Program Pendidikan Inklusif (PPI).

Dalam abad ke-21, tugas-tugas seorang pengurus atau seorang guru telah menjadi semakin rumit, mereka bukan hanya mempunyai bidang tugas yang luas, malah mereka perlu berurusan dengan banyak perkara baharu. Tugas mereka merangkumi peranan sebagai seorang guru, seorang pemimpin kurikulum, seorang pakar teknikal, dan juga sebagai seorang ketua sekolah. Rentetan daripadaitu, tugas mereka ini juga sering dicabar oleh perubahan tanggungjawab, harapan dan hala tuju yang amat kerap seiring dengan perubahan semasa dalam masyarakat. Dalam konteks perubahan pesat ini, pembangunan sumber manusia melalui pendidikan dan latihan amat perlu dipertingkatkan, juga memerlukan pembelajaran dan pembangunan profesional dari semasa ke semasa (Chan Yuen Fook, 2009). Oleh itu latihan secara coaching dan mentoring adalah satu alternatif yang difikirkan perlu dalam pembangunan profesional ini.

Menurut Friday dan Friday (2002) dan Lindenberger dan Zachary (1999), organisasi yang berjaya akan mengamalkan sistem mentoring yang sentiasa menyokong matlamat dan strategi mereka. Peranan mentor sangat mencabar kerana mereka bertanggungjawab mendidik mentee untuk memahami sesuatu tanggungjawab, membiasakan diri dengan sesuatu teknik, berkongsi pengalaman, memenuhi kehendak peribadi dan mengambil berat segala aspek kehidupan mentee.

Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) Inklusif

Program Pendidikan Inklusif (PPI) melibatkan murid yang berkeperluan khas di dalam kelas biasa. Bantuan yang sesuai akan diberikan kepada mereka bagi membolehkan mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran bersama rakan sebaya mereka (Kamariah Jarji, 1994).

Konsep Program Pendidikan Inklusif (PPI) adalah selaras dengan pernyataan dalam peraturan-peraturan pendidikan (Pendidikan Khas 2013). 'Program Pendidikan inklusif' ertinya satu program pendidikan bagi murid berkeperluan khas (MBK) bersama-sama dengan murid-murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan mahupun sekolah bantuan kerajaan. Pencalonan dibuat berdasarkan kemampuan dan prestasi murid berkeperluan khas yang berada dalam program pendidikan khas intergrasi yang dikenal pasti boleh mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dalam aliran perdana, boleh bersosialisasi dan boleh menduduki peperiksaan awam.


Pendekatan PPI ada 2 cara iaitu Inklusif Penuh dan Inklusif Separah. Dalam pendekatan Inklusif Penuh, MBK belajar sepenuh masa bersama-sama murid arus perdana. MBK mengikuti pembelajaran bagi semua

mata pelajaran akademik berasaskan kurikulum kebangsaan yang diubahsuai dengan bantuan atau tanpa bantuan kerajaan (GPPI 2018).

Dalam pendekatan Inklusif Separa, MBK belajar bersama-sama murid arus perdana bagi mata pelajaran akademik, aktiviti koakademik, aktiviti kokurikulum tertentu sahaja mengikut keupayaan mereka. MBK yang mengikuti kelas Inklusif Separa bagi mata pelajaran akademik berasaskan kurikulum Kebangsaan atau kurikulum kebangsaan yang diubahsuai sedikit tanpa bantuan perkhidmatan sokongan. Inklusif Separa Akademik, MBK belajar di dalam kelas arus perdana bagi sekurang-kurangnya satu mata pelajaran seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik atau mana-mana mata pelajaran lain. Manakala Inklusif Separa Bukan Akademik pula mengambil kira pelibatan MBK dalam aktiviti kokurikulum dan sosialisasi. Inklusif Separa bagi aktiviti akademik atau kokurikulum adalah berdasarkan potensi, bakat dan keupayaan mereka.

Matlamat Program Pendidikan Inklusif (PPI) adalah untuk meningkatkan penyertaan dan memberi peluang kepada MBK mengikuti program akademik dan bukan akademik bersama-sama murid perdana. PPI juga memberi kesedaran kepada masyarakat supaya tidak menafikan potensi MBK dan percaya bahawa ketidakupayaan mereka boleh diminimalkan jika anak-anak istimewa ini diberikan peluang yang sama. Objektif utama PPI pada dasarnya adalah untuk memastikan MBK mendapat hak yang sama rata untuk belajar dalam persekitaran tanpa halangan, meningkatkan kesedaran dan penerimaan warga sekolah serta komuniti tentang kepelbagaian keupayaan MBK, membina keyakinan diri MBK bagi mencapai potensi yang minimum (Supiah Saad 2003).

Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kualitatif melalui teknik kajian. Kaedah ini disebut sebagai “Triangulasi”.



Rajah 3.1 : Triangulasi Data

METODOLOGI

Dalam bahagian ini dinyatakan kerangka kajian yang digunakan untuk melihat pelaksanaan pendekatan coaching dan mentoring (bimbingan) oleh pengurus PPKI, penyelaras dan guru di sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Intergrasi yang terpilih dengan melihat reaksi serta mengesan perubahan sosial murid-murid PPI bagi merapatkan jurang sosial di kelas Inklusif.

Dalam konteks kajian ini, pendekatan pemungutan data adalah melalui 3 cara iaitu melalui temubual, pemerhatian dan melalui semakan dokumen yang sedia ada dalam simpanan penyelaras atau sekolah. Prinsip ini digunakan kerana pengkaji yakin cara ini terbaik dalam melihat perkara-perkara berikut:


1. Availability : Maklumat yang diperolehi boleh dipercayai.
2. Authenticity : Ketepatan data yang boleh disemak puncanya,
3. Adequacy : Prngumpulan maklumat yang mencukupi untuk membuat rumusan.
4. Applicability : Maklumat yang dikumpulkan relevan dengankajian.
5. Adaptability : Data-data yang diperolehi boleh dianalisis dengan menggunakan statistik.

Kaedah triangulasi dalam pengumpulan data juga, juga disebut sebagai 'multi method approach' dalam penyelidikan kualitatif, data-data yang dipungut melalui temubual merupakan 'data primer' akan dijadikan sebagai data utama, manakala data-data pemerhatian dan semakan dokumen sebagai 'data sekunder' akan digunakan bagi tujuan untuk menyokong atau melengkapkan, memantapkan dan mengukuhkan pengumpulan data yang diperoleh daripada sumber utama (temubual) (Marohaini Yusoff 2001). Setiap temubual ditranskripsi dan dianalisis oleh pengkaji. Semua sumber dan bahan dirujuk juga dicatatkan mengikut maklumat yang dikehendaki sahaja. Disamping itu penulisan diari atau log pemerhatian juga digunakan untuk merakamkan pengalaman, perasaan dan pengamatan semasa pemerhatian dijalankan.

Cantuman ketiga-tiga jenis pendekatan kajian seperti temubual, pemerhatian melalui penyelidikan lapangan, dan penyemakan data amat sesuai untuk penyelidikan zaman sekarang. Kajian lapangan dalam kajian ini adalah berdasarkan pada pandangan Asmah Omar (2002) iaitu merujuk kepada tempat sesuatu fenomena yang hendak dikaji yang menyediakan maklumat kajian untuk ditaksir berdasarkan objektif kajian. Dalam kajian ini, hal ini merujuk kepada sekolah SK Pekan Beaufort yang merupakan tempat kajian dilaksanakan dan juga tempat pengambilan data secara keseluruhannya.

Temubual yang dilaksanakan melibatkan penolong kanan PPKI sebagai pengurus PPKI dan guru penyelar kelas Inklusif serta guru-guru mata pelajaran atau aktiviti koakademik yang terlibat mengenai bimbingan dan motivasi yang mereka lakukan kepada murid. Selain itu, temubual juga diadakan dengan kumpulan murid-murid kelas Inklusif yang terpilih untuk kajian ini. Pemerhatian dilihat secara keseluruhan iaitu pemerhatian kepada pengurus dan penyelar serta murid-murid yang terlibat. Manakala penyemakan data juga telah dibuat dengan melihat data latar belakang murid, kehadiran, kelas Inklusif yang diikuti serta catatan perkembangan sosial dan prestasi pembelajaran murid. Walaubagaimanapun tumpuan data lebih kepada perkembangan sosial hasil daripada pendekatan coaching dan mentoring yang dijalankan.

Dalam kajian ini pemilihan sampel 'purposive' telah digunakan kerana sampel jenis ini amat baik atau sesuai dalam kajian kualitatif.



Rajah 2. Jenis Sampel

Hal ini kerana dengan menggunakan sampel purposive, sampel ini mempunyai maklumat yang hendak diketahui oleh pengkaji serta mengetahui perkembangan atau perjalanan sesuatu fenomena di lokasi kajian dengan baik. Merriam (1988) juga menjelaskan memilih peserta kajian secara 'purposive' sangat baik kerana mereka berkeupayaan memberi maklumat sehingga mencapai tahap tiada lagi maklumat baru atau maklumat yang bertindan. Dalam penggunaan teknik ini, pengkaji menggunakan akal, peluang, masa yang ada dan persoalan kajian sebagai kriteria dalam menentukan pemilihan partisipan kajian (Ghazali 2018).

Bilangan sampel yang diambil dalam kajian ini seramai 7 orang iaitu seorang guru penolong kanan PPKI, seorang penyelaras kelas Inklusif, seorang guru yang terlibat dalam kelas Inklusif dan 4 orang murid MBK yang mengikuti kelas Inklusif dari pelbagai kecerdasan. Menurut Spencer dan Spencer (1993), tujuh orang partisipan kajian adalah memadai bagi memperoleh data kualitatif yang bernilai.

Manakala Patton (1990) menyatakan bilangan sampel yang kecil membolehkan penyelidik dapat menyiasat perkarayang diselidiki dengan lebih mendalam. Kajian ini hanya menggunakan instrumen berkaitan dengan catatan dan soalan temubual serta perbincangan berbentuk formal dan tidak formal. Selain itu maklumat juga didapati daripada data dokumentasi yang ada di PPKI. Maklumat yang ada digandingkan dengan maklumat pengajaran dan pembelajaran serta perkembangan sosial yang didapati sepanjang kajian dijalankan. Dengan kata lain, secara lebih spesifik kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat adalah seperti perkara berikut:

- Perbincangan dengan penolong kanan, penyelaras dan guru secara formal dan tidak formal
- Temubual pengkaji dengan murid-murid yang terlibat dengan pembelajaran kelas Inklusif.
- Pemerhatian dalam kelas dan pemerhatian semasa bersama dengan penyelaras.
- Pemerhatian tentang sikap guru dan pengetahuan guru aliran perdana terhadap murid pendidikan khas.
- Diari penulisan tentang pengalaman pengkaji sepanjang menjalankan kajian lapangan Program Pendidikan Khas Intergrasi dalam kelas Inklusif dan catatan interaksi serta perkembangan sosial murid.

Walaupun pengkaji telah menyediakan satu instrumen tambahan yang berkaitan dengan latar belakang dan profil murid serta 5 dimensi keadaan sosial murid-murid, sebagai dokumentasi tambahan untuk menyokong kajian. Instrumen ini ditanda oleh penyelaras dan pengkaji sendiri hasil daripada temubual dan pemerhatian perkembangan sosial murid. Pengkaji menggunakan skala sebagai ukuran. Item-item ini menggunakan skala ukuran Likert yang diberikan nilai 1 hingga 5 di mana nilai pemarkahan ini berdasarkan sama ada soalan berbentuk positif atau negatif. Nilai Skala yang digunakan adalah seperti berikut:

- Sangat tidak setuju
- Tidak Setuju
- Sederhana
- Setuju
- Sangat setuju

Data daripada instrumen tambahan ini tidak akan diulas dalam kajian kerana data ini hanyalah untuk tujuan menyokong data sedia ada melalui pemerhatian, temubual dan semakan dokumentasi yang sedia ada.

DAPATAN

Secara keseluruhannya, Program Pendidikan Inklusif (PPI) di sekolah ini berjalan dengan baik mengikuti Standard Operating Procedure (SOP). PPI dijalankan di sekolah ini dalam pendekatan Inklusif Separata. Murid-murid yang terpilih mengikuti PPI ini dalam mata pelajaran terpilih sahaja iaitu dalam mata pelajaran PSV dan PJK. Selain itu, murid-murid ini juga dilibatkan bersama dalam kegiatan koakademik dan kokurikulum.

Berdasarkan analisis data, temubual dan pemerhatian, beberapa dapatan dapat disimpulkan seperti berikut:

Latar Belakang Kehidupan Sosial dan Ekonomi yang Rendah

Murid yang terlibat dalam kelas Inklusif ini terdiri daripada pelbagai latar belakang sosial dan ekonomi. Mereka terdiri daripada etnik dan kaum yang berbeza. Mereka merupakan anak-anak dari golongan masyarakat yang mempunyai latar belakang kehidupan sosial dan ekonomi yang rendah. Malah kebanyakan ibu bapa mereka hanya bekerja sebagai buruh dan bekerja di premis-premis makanan sahaja. Keadaan ini sedikit sebanyak mempengaruhi tingkah laku sosial mereka.

Pendekatan Coaching dan Mentoring Pengurus PPKI dan Guru Penyelaras

Pendekatan coaching dan mentoring yang ditunjukkan oleh penyelaras Kelas Inklusif sangat baik dan memberangsangkan. Hal ini dapat dilihat daripada pemerhatian serta temubual yang dijalankan. Dari pemerhatian yang dibuat, guru penyelaras PPI sangat rapat dengan keempat-empat murid yang dikaji. Penyelaras

menunjukkan kelembutan semasa memujuk murid-murid dan menerangkan dengan jelas apa yang perlu dibuat dalam kelas Inklusif sebelum kelas bermula. Penyelaras bertanggungjawab membawa dan menghantar murid-murid tersebut ke Kelas PVT dan PJ. Sebelum menyerahkan kepada guru kelas Inklusif, sekali lagi guru penyelaras mengingatkan peraturan dan adab yang perlu ditunjukkan dalam Kelas Inklusif. memberikan motivasi. Amalan guru seperti inilah yang sepatutnya ada untuk memotivasikan, menyeimbangkan emosi serta memberikan keyakinan murid tersebut. Ini selaras dengan kenyataan Murugiah (1997) yang berpendapat bahawa faktor motivasi, tekanan emosi, pemilihan mata pelajaran yang sesuai, keyakinan diri dan sikap guru terhadap murid juga mempengaruhi kesediaan seseorang untuk belajar. Bimbingan penolong kanan PPKI di sekolah ini nampak sederhana sahaja kerana beliau merupakan penolong kanan yang baru sahaja dipindahkan ke sekolah ini pada masa kajian ini dijalankan, namun beliau masih menunjukkan kerjasama dan komitmen yang baik. Beliau sentiasa memberi perhatian dan mengawal murid-murid PPI tersebut walaupun hanya dengan cara memotivasi, sedikit bimbingan dan berkomunikasi secara bersahaja. Data ini juga diperolehi semasa perbincangan tidak formal bersama guru besar (walaupun beliau bukan sebagai sampel). Keadaan ini selari dengan pandangan Rahimah Hj Ahmad (2000), bahawa kepemimpinan pengurus sekolah merangkumi komitmen mengadakan inovasi, usaha untuk menjelaskan rol dan tugas semua yang terlibat, di samping usaha untuk mendapatkan sumber-sumber yang diperlukan serta sokongan moral keseluruhannya.

Pendekatan Coaching dan Mentoring Guru Kelas Inklusif.

Program Pendidikan Inklusif (PPI) di sekolah yang dikaji hanya menjalankan Inklusif Separata. Murid-murid Inklusif ini hanya mengikuti aktiviti koakademik, kokurikulum dan dua mata pelajaran elektif iaitu PVT dan PJ. Hasil daripada temubual dengan guru yang mengajar kelas Inklusif dan pemerhatian semasa pembelajaran koakademik dan kokurikulum dijalankan, pengkaji mendapati bahawa pendekatan coaching atau bimbingan yang diberikan kepada murid-murid tidaklah berbeza sangat dengan murid perdana. Guru mengatakan bahawa murid-murid Inklusif boleh menunjukkan kemahiran dalam mata pelajaran PVT dan PJ dengan baik melalui latihan-latihan yang diatur dan dijalankan sepanjang tahun. Walau bagaimanapun guru kelas Inklusif ini sentiasa berhubung dan mengambil tahu kecenderungan dan kelemahan murid-murid ini daripada penolong kanan PPKI dan penyelaras PPI. Hal ini ini sesuai dengan kenyataan Chan Yuen Fook (2009) bahawa dalam konteks perubahan pesat ini, pembangunan sumber manusia melalui pendidikan dan latihan adalah amat perlu dipertingkatkan, juga memerlukan pembelajaran dan pembangunan profesional dari semasa ke semasa.

Keadaan mereka tidak jauh berbeza dengan murid yang lain malah dua orang (50%) daripada murid tersebut lebih menunjukkan keaktifan dan kesungguhan dalam bidang ko-kurikulum dan PJ (kebetulan guru yang sama yang terlibat dalam aktiviti dan mata pelajaran tersebut). Guru memberitahu bahawa Murid-murid ini menunjukkan keinginan yang tinggi dan nampak lebih gembira bersama dengan murid-murid perdana walaupun pada awal penggabungan dibuat murid-murid ini berasa malu dan agak pasif sedikit. Oleh kerana itu, guru kelas Inklusif tetap melayan murid-murid ini sama rata dengan murid-murid kelas perdana.

Reaksi Murid Semasa Dibimbing Melalui Coaching dan Mentoring

Secara umumnya murid-murid senang didekati, namun anak-anak istimewa dalam Program Pendidikan Khas Intergrasi di sekolah ini sukar didekati pada mulanya. Pada awal mula kajian, reaksi pertemuan pertama menunjukkan murid takut, malu dan sukar untuk dibawa bercakap. Seorang daripada murid tersebut merupakan murid Autisme, seorang murid agak hyper dan dua orang lagi murid yang dikategorikan sebagai slow learner. Murid Autisme pada mulanya hanya menunjukkan senyum dan ketawanya semasa diajak bercerita dan murid hyper sukar untuk dikawal pergerakannya, sekejap-sekejap menunjukkan keboringannya dan lari daripada kumpulan. Dua orang lagi menunjukkan sifat pasifnya.

Walaupun bagaimanapun selepas beberapa pertemuan dan bimbingan dijalankan oleh pengkaji, penyelaras dan guru kelas Inklusif perubahan sosial mereka jelas berlaku. Malah mereka amat suka dan semakin yakin dalam komunikasi apabila pertemuan demi pertemuan diadakan. Pengkaji juga melakukan beberapa siri pendekatan coaching dan mentoring terutamanya kepada penyelaras dan murid-murid PPI tersebut. Penyelaras menunjukkan kewibawaan dan seorang yang profesional dalam mentadbir, mengurus dan menjalankan program kelas Inklusif. Berdasarkan data yang ditunjukkan dan dokumen-dokumen yang ada, menunjukkan pentadbiran PPI dijalankan dengan teratur dan bersistem. Malah semua pertanyaan boleh dijawab dengan baik dan memberikan kerjasama yang sepenuh baik semasa pertemuan di lapangan mahupun melalui perbincangan maya. Sesuai dengan kajian Friday dan Friday (2002) dan Lindenberger dan Zachary (1999), organisasi yang berjaya akan mengamalkan sistem mentoring yang sentiasa menyokong matlamat

dan strategi mereka. Peranan mentor sangat mencabar kerana mereka bertanggungjawab mendidik mentee untuk memahami sesuatu tanggungjawab, membiasakan diri dengan sesuatu teknik, berkongsi pengalaman, memenuhi kehendak peribadi dan mengambil berat segala aspek kehidupan mentee.

Perubahan Sosial Murid Melalui Bimbingan Pendekatan Coaching dan Mentoring

Hasil daripada analisis data temubual, pemerhatian dan semakan dokumen, banyak peningkatan yang berlaku ke atas perubahan sosial murid khususnya dalam 5 dimensi yang diberi perhatian iaitu dalam peningkatan pergaulan, tingkah laku, komunikasi, perwatakan dan emosi. 3 orang murid menunjukkan perkembangan yang baik dalam dimensi tersebut kecuali seorang murid yang dalam kategori Autisme. 3 orang murid (hyper dan slow learner) lebih menunjukkan disiplin, peningkatan komunikasi, lebih berkeyakinan dan menunjukkan keceriaan (tidak emosi).

Walau bagaimanapun ada perubahan yang berlaku kepada murid Autisme tersebut berbanding pertemuan awal yang dibuat. Walaupun perubahan yang ditunjukkannya sangat sedikit, namun tetap berlaku perubahan pada dirinya hasil daripada beberapa siri bimbingan yang dijalankan oleh penyelaras dan guru khususnya serta bimbingan pengkaji. Pada dasarnya, objektif PPI adalah untuk memastikan MBK mendapat hak yang sama rata untuk belajar dalam persekitaran tanpa halangan, meningkatkan kesedaran dan penerimaan warga sekolah serta komuniti tentang kepelbagaian keupayaan MBK, membina keyakinan diri MBK bagi mencapai potensi yang minimum seperti yang dinyatakan oleh Supiah Saad(2003).

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Program Pendidikan Khas Intergrasi pada mulanya amat membimbangkan ibu bapa kerana mereka menyangka anak-anak mereka akan dilabel sebagai orang kurang upaya dan jurang perbezaan antara anak mereka dengan yang lain akan ketara. Namun dengan adanya Program Pendidikan Inklusif, sedikit sebanyak membantu murid mendapatkan pendidikan yang samarata dengan murid yang lain dan dapat merapatkan jurang sosialisasi antaramereka.

Peningkatan pengetahuan, kemahiran, kualiti, komitmen dan kompetensi pengurus, penyelaras dan guru kelas Inklusif perlu digabungkan dan dibugarkan semula. Hal ini adalah perlu dan amat dituntut untuk pembangunan dan peningkatan prestasi pengurusan di sekolah-sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Intergrasi. Proses ini akan dapat dilihat dan dicapai sebaik mungkin dengan adanya bimbingan rakan pembimbing melalui coaching dan mentoring yang diberikan secara berterusan dari semuaperingkat.

Oleh itu, pihak-pihak tertentu yang berkaitan dengan Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) perlu menerapkan pendekatan coaching dan mentoring ini demi pembangunan serta perkembangan sosialisasi murid-murid berkeperluan khas (MBK) yang terpilih untuk mengikuti pembelajaran bersama dengan murid-murid aliran perdana.

Diharapkan pendekatan coaching dan mentoring ini menjadi salah satu strategi yang boleh digunakan untuk meningkatkan kerjaya dan kerja buat kepada pengurus-pengurus sekolah, khususnya kepada pengurus yang dimaksudkan dalam kajian ini termasuk penolong kanan PPKI, penyelaras PPI dan guru-guru yang mengajar murid-murid berkeperluan khas di kelas-kelas Inklusif di sekolah-sekolah yang mempunyai Program Pemulihan Khas Intergrasi.

Untuk menjana suasana pembelajaran yang kondusif, hubungan positif antara guru dan murid adalah penting. Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, murid berkeperluan khas mempunyai konsep sendiri yang rendah hasil interaksi yang negatif dan pengalaman yang tidak konstruktif. Untuk mengubah konsep sendiri murid berkeperluan khas, usaha orang dewasa yang berterusan serta gigih dan mengambil masa yang lebih panjang. Penolakan (rejection) daripada ibu bapa atau keluarga kerana kecacatan atau déficit yang ada dan kritikan yang berterusan daripada rakan sebaya atau masyarakat menyebabkan murid berkeperluan khas kurang keyakinan diri. Bagi murid berkeperluan khas, perubahan adalah perkara yang tidak digemari kecuali ke arah perkara atau tugas yang sangat diminatinya. Guru perlulah menjadi sumber penjana kekuatan MBK untuk berubah agar mereka boleh mendapatkan hak pendidikan yang samarata seperti kenyataan Salamanca dalam Salamanca Statement and Framework for Action on Special Needs Education (UNESCO 1994) yang mendukung prinsip Pendidikan untuk Semua (EFA) yang menyokong bahawa kanak-kanak berkeperluan khas mempunyai hak mendapat pendidikan yang sama rata seperti mana rakan-rakan mereka

Pihak-pihak tertentu yang ada hubungkait yang rapat dengan institusi sekolah seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya bahagian yang mengurus PPKI ini perlu meneliti serta merancang garis panduan dan latihan yang boleh mendedahkan pengurus-pengurus PPKI tentang pendekatan coaching dan

mentoring yang boleh diterapkan dalam mendidik anak-anak berkeperluan khas ini agar mereka boleh mendapat hak-hak pendidikan yang samarata dengan murid-murid perdana.

RUJUKAN

- Buku Panduan Program Transformasi Daerah (DTP 2013) Dewan Bahasa dan Pustaka: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Buku Peraturan Pendidikan Khas (2013).
- Convention on the Rights of Person with Disabilities (UN, 2006)
- Dakar Framework for Action - Education for All, Meeting our Collective Commitment. development, 53 (2) 12 - 14. Jurnal
- Friday, dan Friday, S.S, (2002) Formal mentoring: Is there a strategic fit? Management Decision, 40 (2), 452-157. Jurnal
- Garis Panduan Program Inklusif Murid Berkeperluan Khas (2018), Putrajaya. Bahagian Pendidikan Guru. Georgiandaily.com (2018) Inklusif Education: The Problem and Achievement. Diambil Dari-pada http://georgiandaily.com/com/in dex.php?option=com_content& task=view&d=3558&=temid
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2018) Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan (cetakan kedua) .Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lewis & Doorlag, D.H (2003). Teaching Special Student in General Education Classroom, New Jersey. Pearson education.
- Lindenberger, J.G. dan Zachay, L.J. (1999). Play "20 Questions" to develop a successful mentoring program, training &
- Marohani Yusoff (2001). Penyelidikan Kualitatif, Pengalaman Kerja Lapangan Kajian. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Mazlan Mohamad (2013). Buku panduan transformasi daerah (DTP). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Merriam, B.S. (1988). Case Study Research In Education: Qualitative Approach. California, Josey - Bass Inco.
- Musa Muhammad (2001). Prakata buku pembangunan pendidikan 2001-2010. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Patton, Q.M (1990). Qualitative Evaluation Methods. Beverly Hill, California. Sage Publication.
- pendidikan, Jil.22, 133-160, 2007.
- pendidikan, Jil.22, 133-160, 2007.
- Retrieved from: <http://www2.uncsc.org/wef/enconf/dakframeng.shtm>
- Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (2013). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Salamanca Statement and Framework for Action on Special Education (UNESCO, 1994)
- Spencer, L.M & S.M Spencer (1993). Competence at Work Models for Superior Performance. India. Wiley India.
- Supiah Saad (2003). Malaysian Preschool Children with ADHD in Inclusive Setting. PHD thesis. University of Warwick. Unprinted.